

UCAPAN

**YBHG. DATUK WAN SELAMAH
BINTI WAN SULAIMAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULAN FEBRUARI 2013
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PADA 4 FEBRUARI 2013**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih pengacara majlis dan saudara pembaca doa. Semoga doa kita pada pagi ini dimakbulkan oleh Allah s.w.t. Terima kasih juga kepada kumpulan koir di atas dendangan lagu sebentar tadi.

YBhg. Dato' Rosini binti Abd Samad, TAN (K), YBrs. Puan Hawazain binti Shaari, TAN (O), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara yang saya hormati dan kasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan selamat pagi.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat, izin dan kurniaNya, kita dapat berkumpul sekali lagi pada pagi ini dalam perhimpunan bulan Februari tahun 2013.

Kita semua adalah bertuah kerana berada di negara Malaysia yang aman damai. Tahukah anda sekalian bahawa Malaysia berada di kedudukan ke 51 di dalam senarai paling "happy" di antara negara-negara seluruh dunia, menurut World Happiness Report yang dikeluarkan oleh *Earth Institute*, Universiti Columbia pada tahun 2012?

PERTUKARAN /PEMANGKUAN /NAIK PANGKAT/ PENGHARGAAN

Sebelum saya meneruskan ucapan saya pada pagi ini, bagi pihak Jabatan, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Ybhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsuddin, PBPOPA, di atas penganugerahan pingat **Darjah Setia Diraja Kedah** oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, sempena perayaan ulang tahun keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang ke 85 pada 20 Januari 2013 yang membawa gelaran Dato'. Tahniah diucapkan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada 16 orang Akauntan W44 yang telah diperakukan untuk memangku jawatan Akauntan W48 mulai **1 Februari 2013**.

Ucapan tahniah juga dirakamkan untuk 7 orang Penolong Akauntan W32 yang telah diperakukan memangku jawatan Penolong Akauntan Kanan W36 mulai **15 Februari 2013**, dan 5 orang Pembantu Akauntan W22 yang diperakukan memangku jawatan W26 mulai tarikh yang sama.

11 orang Penolong Akauntan W27 juga telah diperakukan untuk memangku jawatan Penolong Akauntan W32 mulai **18 Februari 2013**, manakala 28 orang Pembantu Akauntan W17 telah diperakukan untuk memangku jawatan W22 mulai tarikh yang sama. Sekalung tahniah diucapkan. Semoga ianya akan menjadi penyuntik semangat untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang demi membawa Jabatan ke mercu yang lebih tinggi. InsyAllah.

Untuk makluman, JANM juga telah menerima seramai 46 orang Penolong Akauntan W27 pada **4 Januari 2013** yang lalu. Selamat datang diucapkan ke keluarga besar perkhidmatan perakaunan.

LAPORAN PENILAIAN PRESTASI (LPP) 2012

Perkara seterusnya yang saya ingin sampaikan pada hari ini adalah berkenaan LPP 2012. Perlu saya ingatkan bahawa LPP 2012 perlu **diselesaikan** sebelum **28 Februari 2013**. Kelewatan mengemukakan LPP 2012 mungkin akan mengakibatkan prestasi tuan / puan tidak dipertimbangkan oleh Panel Pergerakan Gaji (PPG), dan juga akan menjejaskan KPI Jabatan. Justeru, suka saya mengingatkan semua warga JANM untuk menyelesaikan LPP 2012 sebelum tarikh yang telah ditetapkan melalui HRMIS. Saya amat berharap agar tuan/puan semua memberikan perhatian dan kerjasama serius dalam hal ini.

PENGHAYATAN NILAI BERSAMA JABATAN / TRANSFORMASI SOSIAL

Saya difahamkan UPKK, BPPP telahpun menganjurkan kursus bulanan dengan tajuk khas **SPECIAL** pada **7 Februari 2013** (semalam) untuk memberi pencerahan dan penerangan tentang akronim JANM yang baharu **SPECIAL**.

- S** - Satisfaction for Customers
- P** - Profesionalisme
- EC** - Esprit de Corp
- IA** - Integrity and Accountability
- L** - Loyalty

Diharapkan selepas kursus ini, warga JANM akan lebih dapat menghayati Nilai Bersama Jabatan dan seterusnya membudayakannya.

Ia juga selari dengan peringatan YAB Perdana Menteri yang mengatakan bahawa masa depan negara bergantung kepada **sistem sosial, nilai, budaya** dan **sikap**. Untuk itu YAB Perdana Menteri telah melancarkan **transformasi sosial** sebagai salah satu tunggak kepada **Najibnomics**.

YAB Dato' Seri Najib semasa pelancaran program *My Beautiful Malaysia* di SMK Taman Medan pada 3 Februari yang lalu berkata bahawa “kejayaan sesebuah negara tidak hanya ditentukan oleh jumlah bangunan pencakar langit, kemudahan awam, kilang-kilang berteknologi tinggi atau peningkatan pendapatan perkapita tetapi hakikat sebenarnya adalah kita membina sebuah negara yang bertamadun.

Oleh itu, bila dilihat dari perspektif ini, maka **transformasi sosial** yang berteraskan kepada perubahan dalam sistem kita secara menyeluruh, nilai dan budaya, termasuk sikap menjadi salah satu faktor penting yang membezakan kenapa sesebuah negara boleh menjadi lebih maju daripada satu negara yang lain.”

PENUTUP

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin berkongsi kata-kata dari YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abd Razak semasa berucap di Majlis Perasmian Persidangan Transformasi Perundangan Berhubung Dengan Keselamatan Dan Hak Asasi di Dewan Taming Sari, Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur, pada 14 Januari 2013 untuk renungan kita bersama.

“Dalam usaha menjadi sebuah negara maju, kita perlu merenung masa lampau supaya dapat benar-benar memahami langkah yang masih perlu diambil dan kesilapan yang perlu dielakkan.

Tahun 2020 sudah semakin hampir, dan kita perlu bergerak pantas. Pada masa yang sama, kita perlu memastikan laluan ke arah transformasi tidak dipandang sambil lewa atau dianggap ringan. Setiap orang perlu terlibat dan bertanggungjawab membentuk Malaysia yang baharu demi kebaikan yang lebih besar bagi semua masyarakat.

Kita perlu bijak berfikir dan memilih langkah. Kita memerlukan kesabaran dan ketabahan bagi mencapai matlamat kita. Lebih lima dekad telah diharungi untuk membentuk negara kita yang tercinta tetapi sekali sahaja tersilap langkah boleh mengancam negara sehingga mampu memusnahkannya”. Renung-renungkanlah.

Akhir kata, kepada semua warga JANM berbangsa Cina, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina. Gong Xi Fa Cai. Kepada mereka yang memandu untuk pulang ke kampung atau bercuti semasa cuti panjang sempena sambutan Tahun Baru Cina ini, berhati-hati ketika memandu. Patuhilah peraturan jalanraya dan ingatlah orang yang tersayang.

Sekian, wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.